

08 MAY 2003

Samy-Binaan/I

SAMY VELLU HARAP PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI GALAKKAN SEKTOR BINAAN

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berharap Pakej Rangsangan Ekonomi, yang akan diumumkan tidak lama lagi, akan memberi galakan kepada sektor binaan yang terjejas akibat kelembapan ekonomi serta kekurangan tenaga kerja.

Beliau berkata sektor binaan adalah sektor penting bagi pembangunan ekonomi negara dan ia boleh memberi kesan positif serta merta terhadap ekonomi.

"Saya berharap pakej ekonomi baru ini yang akan diumumkan PM (Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad), akan memberi galakan kepada industri binaan.

"Ini kerana ia adalah industri yang sangat cergas dan boleh digalakkan serta merta...ia bukan seperti industri yang lain," katanya kepada Bernama semasa ditanya mengenai keadaan semasa sektor binaan negara di sini, hari ini.

Terdahulu, Samy Vellu merasmikan bangunan baru stesen radio swasta THR.FM.

Samy Vellu berkata terdapat projek-projek pembinaan yang dihentikan kerana masalah kewangan dan kekurangan tenaga kerja berikutan penghantaran pulang pendatang asing tanpa izin.

"Ramai yang terjejas sekarang... para pemaju besar turut terjejas. Projek mereka lewat enam atau sembilan bulan dan kini pembeli-pembeli rumah menuntut pampasan. Ini bukan salah pemaju," katanya.

Samy Vellu berkata Kementerian Kerja Raya sedang berusaha dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menangani masalah itu.

-- BERNAMA

RV AHH NAK